

SULIT

NO. KAD PENGENALAN/ NO. SIJIL KELAHIRAN																			
--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN																			
---------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MAJLIS GURU BESAR NEGERI MELAKA



PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN ENAM 2011

BAHASA MELAYU – PENULISAN

012

Julai

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak-petak yang disediakan.*
- 2 *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*
- 3 *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
- 4 *Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.*
- 5 *Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan. Sekiranya helaian kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan kertas jawapan tambahan daripada pengawas peperiksaan. Kertas jawapan tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku soalan.*

Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
Jumlah Markah		60

Kertas ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak


[Lihat sebelah

Bahagian A

(Masa dicadangkan : 15 minit)

(10 markah)


Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti berdasarkan gambar di bawah.




Bahagian A

(Masa dibenarkan : 15 minit)

.....
.....
.....
.....



.....
.....
.....



Bahagian B

(Masa dicadangkan : 40 minit)

(30 markah)

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

- 1 Semua murid mempunyai impian menjadi pelajar cemerlang.
Tuliskan langkah – langkah yang akan kamu ambil untuk mencapai impian itu.

ATAU

- 2 Pada cuti sekolah yang lalu, kamu telah menyertai program motivasi yang diadakan di sekolah. Tuliskan catatan tentang pengalaman kamu mengikuti program tersebut.

ATAU

- 3 Surat khabar merupakan alat media cetak yang sangat popular.
Tuliskan sebuah syarahan yang bertajuk, 'Faedah Membaca Surat Khabar'.

Bahagian C

(Masa dicadangkan : 20 minit)

(20 markah)

Tulis **lima** nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak melebihi 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam **satu perenggan**.

Ada seekor kambing tua yang cacat, namanya Janggut. Janggut pendiam dan suka bersendirian. Tidak ada kambing lain yang mahu berkawan dengannya. Hitam, tetangganya, sering mengajak teman-temannya menjejek Janggut.

Sementara itu, ada seekor kambing kecil bernama Putih. Putih sedih melihat Janggut sering bersendirian. Ibu Putih menasihatinya supaya berkawan dengan Janggut. Ibu Putih juga melarang Putih menghina Janggut. Putih menuruti nasihat ibunya. Janggut dan Putih menjadi kawan baik.

Hitam memarahi Putih yang berkawan dengan Janggut. Teman-teman Hitam mula menjauhkan diri daripada Hitam yang panas baran. Sebaliknya, teman-teman Hitam lebih suka berkawan dengan Janggut yang sentiasa merendah diri dan suka menolong kawan-kawan.

Pada suatu hari, Hitam jatuh sakit. Janggut mengajak kawan-kawannya menziarahi Hitam. Hitam terkejut melihat Janggut tetapi Janggut tetap bersikap ramah. Janggut membawa buah tangan untuk Hitam. Hitam berasa malu dan memohon maaf. Mulai hari itu mereka berkawan baik.

KERTAS SOALAN TAMAT

